

## Kajian Integrasi Mengenai Kedudukan Sesawi dan Khasiatnya dalam Al-Quran, Hadis, Manuskrip Perubatan Melayu dan Sumber-Sumber Lain

Muhammad Widus Sempo  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM  
Email: widus81@usim.edu.my

Malki Ahmad Nasir  
Universitas Islam Bandung  
Email: malki\_tea@yahoo.com

Muallimin Mochammad Sahid  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM  
Email: muallimin.sahid@usim.edu.my

### Abstrak

Sesawi merupakan tumbuhan serba guna yang banyak berkaitan dengan pemakanan dan kesihatan manusia zaman berzaman. Biji sesawi digunakan sebagai rempah dan daunnya pula dimakan sebagai sawi. Oleh itu, kajian yang merentasi pelbagai sumber ini dengan penglibatan Al-Quran, hadis, manuskrip perubatan Melayu dan sumber-sumber lain adalah bertujuan untuk melihat kedudukan sesawi dan khasiatnya. Kajian ini bersifat kualitatif yang akan menganalisis teks-teks dalam kesemua rujukan tersebut yang menyebutkan sesawi. Seterusnya, kesimpulan berkaitan kedudukan sesawi dan khasiatnya dirumuskan secara induktif. Ringkasnya, kajian ini mendapati sesawi bukan hanya berkaitan dengan pemakanan dan perubatan melalui daun sawi yang dimakan mahupun biji sawi yang disebatikan dengan herba-herba tempatan untuk mengubati pelbagai penyakit, tetapi sesawi juga berkaitan dengan perkara-perkara akhirat. Sebagai contoh, analogi hadis yang menyebutkan sesawi untuk menggambarkan ilmu Allah Yang Maha Luas dan sifat adil Allah yang Maha Mutlak. Selain itu, turut didapati analogi lain dalam hadis yang menyebutkan juga sesawi berkaitan iman dan syurga.

**Kata Kunci:** Kajian integrasi; Sesawi; Al-Quran, Hadis, Manuskrip perubatan Melayu

### Abstract

Mustard is a versatile plant that is widely associated with the diet and health of human beings ever since. The mustard seed used as a spice and the edible leaves eaten as mustard greens. This study across the Quran, hadiths, Malay medical manuscripts and other sources is intended to look at the mustard's nature and its efficacy. The qualitative study is done to analyze the texts in all of these references that involve the mustard. Further, the conclusion regarding the nature of the mustard and its potency generated inductively. In short, this study found that the mustard is not all about nutrition and medicine by eating edible leaves and the seed, but other than that, the mustard also related to the matters of the afterlife. For example, the hadith analogy involving mustard represents the knowledge and the justice of the Almighty God. Besides, another analogy in the hadiths that involving mustard represents matters related to faith and heaven.

**Keywords:** Integrated studies; Mustard; The Holy Quran, Hadith; Malay Medical Manuscript

Article Progress  
Received: 12 September 2019  
Revised: 3 October 2019  
Accepted: 24 October 2019

## 1. PENDAHULUAN

Sesawi dikelaskan dalam kelas tumbuhan *Al-Kurunbu* (الكُرْنُبُ), atau kubis dalam bahasa Melayu. Orang Yunani kuno menyebut sawi dengan nama سينابى yang bermaksud sesuatu yang mengganggu mata. Ini kerana minyak nabati sawi sangat kuat sehinggakan mata boleh meneteskan air mata jika terhidu atau terkena sedikit percikan. Ia dalam bahasa Inggerisnya dikenali juga dengan *Mustard*. Sawi sudah sejak lama dikenali sebagai rempah yang dapat menambah selera makan. Bangsa Rom mengambil sawi sebagai perisa saus mereka. Terdapat sekitar 40 jenis sawi. Jenis yang paling banyak digunakan adalah sawi putih, sawi hindi dan sawi hitam (Abu Islam, Ahmad bin Ali, t.th.:30-31).

Biji sesawi telah dikenal pasti sebagai biji *Brassica nigra* W.D.J. Koch. Terdapat dua jenis biji sesawi yang dijual dan kedua-duanya boleh ditukar ganti, bergantung pada biji sesawi yang boleh didapati. Biji yang hitam kecil dan agak bulat, berwarna kemerahan atau coklat kehitaman di bahagian luarnya dan kuning di bahagian dalamnya. Dalam bentuk asalnya, sesawi tidak berbau tetapi apabila dihancurkan, bijinya mengeluarkan bau yang menusuk hidung. Biji yang putih pula lebih besar dan baunya kurang menusuk hidung. Rasa sesawi adalah pahit, panas dan pedas. Dalam perubatan, bahagian yang digunakan dan banyak disebutkan dalam manuskrip perubatan Melayu adalah bijinya (Hussain, Abdul Ghani, 2015:329).

Sepertimana yang disebutkan di atas bahawa sesawi mempunyai kepelbagaian jenis dan terdapat beberapa jenis yang mempunyai kemiripan antara satu sama lain. Antaranya adalah sawi hijau (*Brassica rapa* kumpulan *parachinensis*, yang dikenali juga dengan sawi *bakso*, *caisim*, atau *caisin*). Selain itu, terdapat pula sawi putih (*Brassica rapa*) kumpulan *pekinensis*, disebut juga *petsai* yang biasa dibuat sup atau diolah menjadi asinan. Kailan (*Brassica oleracea*) daripada kumpulan *alboglabra* adalah sejenis sayuran daun lain yang agak berbeza kerana daunnya lebih tebal dan bersesuaian menjadi bahan campuran mi goreng. Sawi sendok (*pakcoy* atau *bok choy*) merupakan jenis sayuran daun kerabat sawi yang mulai dikenal pula dalam dunia masakan (Yudharta, 2009).

Menurut Direktorat Gizi Departemen Kesehatan Republik Indonesia, kandungan gizi sesawi dalam 100 g adalah seperti berikut: kalori 22,00 kcal, protein 2,30 g, lemak 0,30 g, karbohidrat 4,00 g, serabut diet (pelawas) 1,20 g, kalsium 220,50 mg, *phosphor* 38,40 mg, zat besi 2,90 mg, vitamin A 969,00 SI, tiamina (vitamin B1) 0,09 mg, vitamin B2 0,10 mg, niasin (vitamin B3) 0,70 mg, vitamin C 102,00 mg (Cahyono, 2003). Nilai manfaat tanaman sesawi yang besar dikesan melalui permintaan yang terus meningkat setiap tahun (Sangaji, 2017).

Di dalam kitab *Ayurveda* (pengetahuan lengkap tentang ilmu lanjut usia dalam sistem perubatan tradisional India) sesawi dikenal pasti sebagai makanan dan tumbuhan herba untuk tujuan pengubatan. Daun sesawi adalah sayur dan bijinya dapat diolah menjadi bumbu. Diterangkan juga dalam kitab ini bahawa air rebusan daun sesawi merupakan salah satu ramuan mandi wap untuk membersihkan *cranial cavity*. Untuk tujuan perubatan, benih dan minyak sesawi boleh digunakan secara berasingan. Manakala, daun sesawi dianjurkan pengambilannya secara berhemah kerana ia dapat menyebabkan keradangan, sembelit dan masalah buang air kecil. Biji sesawi untuk kegunaan dalaman adalah seperti membersihkan *cranial cavity*, *decoction enema*, *anti-prurient*, mendorong emesis (muntah). Adapun untuk kegunaan luaran yang terhasil daripada biji sesawi adalah seperti pes (campuran cecair dan serbuk yang lembut dan pekat yg mudah dibentuk atau disapu), *fumigant* (sebagai salah satu bahan racun untuk membunuh makhluk perosak, termasuklah serangga patogen tumbuhan, rumpai dan seumpamanya), *diaphoretic* (bahan kecantikan), serbukurut, tuam (ramuan sesawi yang dipanaskan dan didemahkan pada bahagian tubuh yang radang atau sakit) dan ramuannya yang kental dapat dikunyah untuk membersihkan mulut. Kesemua ramuan ini dapat digunakan untuk mengubati *leucoderma*, kulit retak, demam, kusta, kegilaan, epilepsi, bengkak,

arthritis reumatoid (RA), gangguan saraf, gangguan sistem reproduksi pada wanita, masalah air susu ibu, sakit telinga, luka, jerawat, masalah bau busuk pada mulut (Ram Manohar P et al, 2009).

Menurut Ibn Al-Baytar (1992:2/318-319) dalam kitab perubatannya, sesawi dapat mengubati pelbagai penyakit sepertimana berikut:

1. Biji sawi yang dikunyah dapat mengubati flegma (radangan atau humor terhasil daripada haba).
2. Biji sawi yang ditumbuk sehinggakan halus dan disebatikan dengan air serta minuman yang dikenali dengan *Udrumali* (أدرومالي), iaitu minuman daripada madu) dapat mengubati neoplasma (sejenis pertumbuhan tisu yang tidak normal dan berlebihan) di sekitar pangkal lidah dan tenggorok (trakea).
3. Biji sawi yang ditumbuk sampai halus dan didekatkan di kedua lubang hidung dapat menyebabkan bersin, menyedarkan orang yang kerasukan dan perempuan yang mengalami gangguan pernafasan serta memberi keselesaan bagi perempuan yang sakit perut.
4. Menyembuhkan penyakit gout dengan cara menampalkan sesawi yang halus ke atas luka.
5. Biji sawi yang disebatikan dengan buah tin dan ditampalkan ke atas kulit yang luka sehinggakan memerah dipercayai dapat menyembuhkan penyakit *sciatica* dan *splenomegali* (pembesaran limpa).
6. Biji sawi yang disebatikan dengan madu, atau lemak, atau madu yang dicampur dengan minyak zaitun dapat membersihkan kulit wajah dan menghilangkan titik-titik merah seperti darah di bawah mata.
7. Biji sawi yang disebatikan dengan buah tin dan diletakkan di telinga dapat mengubati gangguan pendengaran.
8. Biji sawi yang ditumbuk halus dan disebatikan dengan air dapat dijadikan sebagai celak yang bermanfaat bagi mata dan melembutkan kelopak mata.
9. Sawi yang dimakan dengan madu berkhasiat mengubati batuk.
10. Biji sawi yang disebatikan dengan selasih dan diminum secara berkala berkhasiat mengubati penyakit cacing.

Kebanyakan kajian tentang sesawi bukanlah kajian integrasi yang melibatkan kepelbagaian sumber ilmu. Oleh itu, sesawi dalam kajian ini diperbincangkan berdasarkan perspektif Al-Quran, hadis, manuskrip perubatan Melayu supaya terhasil kajian yang bersifat menyeluruh tentang kedudukan sesawi dan khasiatnya. Turut dilihat juga senarai perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada sesawi.

## 2. OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif utama kajian ini sepertimana berikut:

- i. Menenal pasti kedudukan sesawi dalam pandangan Islam melalui kajian teks terhadap Al-Quran, hadis dan manuskrip perubatan Melayu
- ii. Mendedahkan khasiat ramuan sesawi yang disebatikan dengan herba-herba tempatan dalam mengubati penyakit sepertimana yang terzahir dalam manuskrip perubatan Melayu.

## 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kualitatif melalui analisis teks yang melibatkan 4 rujukan utama, iaitu kamus bahasa Arab, Al-Quran, hadis dan manuskrip perubatan Melayu. Semua bahan kajian berkaitan sesawi dalam keempat-empat rujukan tersebut akan dikumpulkan, dianalisis dan dirumuskan melalui kesimpulan secara induktif. Oleh itu, ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang berkaitan sesawi dikeluarkan terlebih dahulu kemudian dijelaskan melalui syarahan hadis oleh para

ahli hadis untuk mengenal pasti kedudukan sesawi dalam kedua-dua sumber Islam tersebut. Manakala, kajian bahasa pula tentang sesawi dalam bahasa Arab merangkumi kamus-kamus Bahasa Arab untuk mengetahui senarai perkataan yang merujuk kepada sesawi. Seterusnya, manuskrip perubatan Melayu yang terpilih diambil untuk mengenal pasti khasiat sesawi dalam amalan perubatan masyarakat Melayu.

#### 4. DEFINISI

Naqli adalah pengetahuan yang dicapai melalui wahyu sama ada daripada wahyu Al-Quran mahupun sunnah. Ilmu yang terhasil daripada sumber wahyu yang autentik (*al-naql al-sahih*) menghasilkan pengetahuan yang dapat dipastikan kebenarannya (Muhammad Anwar Syah, 2004:86). Aqli bermaksud kefahaman akal sebagai tindak balas terhadap sesuatu perkara atau fenomena. Aqli melahirkan pemikiran, alasan, reka bentuk, ilustrasi serta kemampuan membezakan perkara yang baik daripada perkara yang batil (Majma' al-Lughah al-Arabiyyah, t.th.: 2/616).

Menurut Ibn Taymiyah (1991:5/296; 8/429, 512), akal yang sihat yang dikenali dengan *al-aql al-sarih* adalah tidak bercanggah dengan wahyu yang autentik yang dikenali dengan *al-naql al-sahih*. Hal ini kerana sumber kedua-duanya adalah sama. Tuhan Yang Esa yang menciptakan akal adalah Tuhan yang sama yang mengutus para rasul untuk kebaikan umat sejagat. Anggapan bahawa ada percanggahan antara kedua-dua sumber tersebut adalah terhasil daripada kefahaman yang silap terhadap teks atau hasil ijtihad yang tersasar.

Kajian integrasi di sini bermaksud mencari hubung kait antara sumber-sumber ilmu naqli berdasarkan Quran dan Sunnah dan sumber ilmu-ilmu naqli yang terfokus kepada kamus bahasa Arab dan manuskrip perubatan Melayu dalam mengkaji kedudukan sesawi dan khasiatnya dalam masyarakat Islam.

Adapun manuskrip perubatan Melayu adalah dokumen yang ditulis tangan dalam bahasa Arab Jawi lama yang sejarah penulisannya bermula pada awal abad ke-15 Masihi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005: 1494; Universiti Malaya, t.th.).

#### 5. MATERI KAJIAN

##### 5.1 Sesawi dalam Kamus Bahasa Arab

Di bawah ini merupakan senarai perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada sesawi:

- i. *Al-Khardal* (الْخَرْدَلُ) adalah sesawi (Al-Farahidi, t.th.:4/334).
- ii. *Al-Harshā'* (الْحَرْشَاءُ) adalah *Khardal Al-Bur* (خَرْدَلُ الْبُرِّ) (Al-Harbi, 1405 H:1/285). Nama saintifiknya adalah *Brassica tournefortii Gouan*. Ia adalah jenis tumbuhan yang banyak dijumpai di ladang-ladang dengan panjang mencecah 30-75 sentimeter (n.p, 2003, [https://alsirhan.com/plants/Brassica\\_tournefortii.shtml](https://alsirhan.com/plants/Brassica_tournefortii.shtml)).
- iii. *Isfīnār* (اسفيناار) adalah sesawi putih (Reinhart Pieter Anne Dozy, 2000:1/135).
- iv. *Khardal Fārisi* (خردل فارسي) adalah jenis lain daripada sesawi dengan daun yang lebar. Ia dikenali di Maghreb Andalus dengan nama *Al-Dabab Al-Burri* (الضَّبَابُ الْبُرِّي). Adapun masyarakat Mesir mengenalinya dengan nama *Hasishah Al-Sultan* (حَشِيْشَةُ السُّلْطَانِ) (Ibn Al-Baytar, 1992:2/319).

Berdasarkan kepelbagaian nama dan jenis sesawi yang disebutkan dalam kamus-kamus bahasa Arab difahami bahawa sesawi adalah sangat dekat dengan kehidupan orang Arab. Mereka

mengenalinya dengan baik dengan kepelbagaian nama yang bersesuaian dengan jenis masing-masing.

## 5.2 Sesawi dalam al-Quran

Semua ayat Al-Quran yang berkaitan dengan sesawi adalah merujuk kepada kudrat mutlak Allah dan ilmu Allah Yang Maha Luas. Tidak ada satupun perbuatan manusia sama ada baik atau buruk kecuali di dalam kawalan dan pengetahuan Allah. Tidak ada yang terlepas. Semuanya akan dihisab dan dipertanggungjawabkan pada hari kiamat. Firman Allah SWT pada ayat 16 surah Luqman:

يُبَيِّنُ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ<sup>١٦</sup>

Maksud ayat ini dalam tafsir Al-Baydawi sepertimana berikut (1418 H: 4/214):

*“Wahai anakku! Sesungguhnya amal itu (sama ada baik atau buruk) walaupun ia seberat biji sawi serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihisab). Sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya lagi Maha Meliputi segala sesuatu yang tersembunyi.”*

Perkara yang sama juga ditegaskan dalam ayat 16 surah Al-Anbiya sepertimana berikut:

وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَىٰ بِنَا حَسِيبِينَ<sup>٤٧</sup>

Menurut tafsir Al-Sam'ani (1997:3/384), maksud ayat ini adalah seperti berikut:

*“Walaupun amal itu seberat biji sawi, Kami pasti menghadirkannya untuk dihisab dan cukuplah Kami sebagai penghitung.”*

Pada pandangan pengkaji, kedua-dua ayat ini turut menerangkan keadilan mutlak Allah SWT di hari akhirat kelak. Allah tidak berlaku zalim kepada sesiapa pun. Setiap amal tak kira saiznya akan dihisap walaupun ianya seberat biji sawi.

## 5.3 Sesawi dalam Hadis

Sesawi turut disebutkan dalam beberapa hadis dalam bentuk analogi berkaitan beberapa perkara sepertimana berikut:

1. Tidak ada orang beriman yang kekal dalam neraka. Mereka yang di neraka akan dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam syurga walaupun iman mereka hanya seberat biji sawi.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «يَدْخُلُ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ وَأَهْلُ النَّارِ النَّارَ»، ثُمَّ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: «أَخْرِجُوا مِنَ النَّارِ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ إِيْمَانٍ. فَيُخْرَجُونَ مِنْهَا قَدْ اسْوَدُّوا، فَيُلْقَوْنَ فِي نَهْرِ الْحَيَاةِ، أَوْ الْحَيَاةِ فَيَنْبُثُونَ كَمَا تَنْبُثُ الْحَبَّةُ فِي جَانِبِ السَّيْلِ، أَلَمْ تَرَ أَنَّهَا تَخْرُجُ صَفْرَاءَ مُلْتَوِيَةً»

Daripada Abu Said Al-Khudri daripada baginda Nabi SAW yang bersabda, “*Penghuni syurga masuk syurga, dan penghuni neraka masuk neraka, kemudian Allah berkata, “Hendaklah kamu keluarkan dari neraka orang yang terdapat dalam hatinya seberat biji sawi dari iman, maka mereka pun dikeluarkan dari neraka sesungguhnya mereka telah hitam legam, lalu mereka dicampakkan ke dalam sungai al-haya atau al-hayah,*

*maka tumbuhlah mereka kerana air itu seperti tumbuhnya jenis biji setelah banjir surut. Tidakkah engkau melihat biji-bijian itu tumbuh berwarna kuning melengkung dan berkait?”*

(Hadis. Bukhari (1422 H). Abu Said Al-Khudri. Juz'1#22).

Syeikh Mustafa Al-Bugha dalam komentarnya berkata, “Perkataan *Khardal* (خَرْدَلٍ) merujuk kepada tumbuhan yang mempunyai biji dengan saiz yang kecil. Adapun perkataan *Naharu Al-Haya* (نهر الحيا) merujuk kepada hujan yang turun daripada *Arasyi*. Hal ini kerana kehidupan terhasil daripada hujan. Manakala, *Naharu Al-Hayah* (نهر الحياة) bermaksud kolam kehidupan. Sesiapa yang masuk ke dalam kolam itu, maka ia akan dikurniakan kehidupan yang baharu. Ini bermaksud bahawa orang beriman dengan iman seberat biji sawi keluar dari neraka selepas dimandikan dalam *Naharu Al-Hayah* dalam keadaan wajah yang berseri-seri menyerlahkan kebahagiaan (Ibn Rajab, 1996:1/94).

2. Tidak ada syurga bagi orang yang terdapat di dalam hatinya sebarang kesombongan walaupun seberat biji sawi.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ كِبَرٍ، وَلَا يَدْخُلُ النَّارَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ خَرْدَلَةٍ مِنْ إِيْمَانٍ»

Daripada Abdullah bin Mas'ud, beliau berkata bahawa baginda Rasulullah SAW bersabda, “*Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya terdapat kesombongan sebesar biji sawi dan tidak akan masuk ke dalam neraka orang yang dalam hatinya terdapat keimanan sebesar biji sawi.*”

(Hadis. Abu Dawud. Abdullah bin Mas'ud. Juz'4#4091).

Menurut al-Qadi Iyad, setiap ahli tauhid (*al-Muwahhidin*) akan masuk syurga sama ada cepat atau lambat selepas orang-orang yang mempunyai rekod dosa besar mendapati seksaan sebagai balasan daripada perbuatan mereka (Ibn Raslan, 2016:16/345).

#### 5.4 Khasiat Sesawi dalam Manuskrip Perubatan Melayu


Berikut ini merupakan khasiat sesawi yang telah disebutkan dengan herba-herba tempatan untuk mengubati pelbagai penyakit sepertimana dalam manuskrip perubatan Melayu yang terpilih:

1. Mengubati penyakit meroyan tahi cirit rengat.
2. Mengubati penyakit gila.
3. Mengubati cacangan.
4. Ubat sakit kembung perut.
5. Ubat kesihatan tubuh (makjun atau makanan kesihatan).
6. Ubat sakit kepala.
7. Ubat sakit perut, penyakit angin yang menyucuk dan menikam pada rusuk, belikat dan ulu hati, atau senak, atau sakit seluruh tubuh.

Berikut ini adalah preskripsi perubatan setiap penyakit di atas dalam manuskrip perubatan Melayu:



1. MSS 2802 [A. Bintang Dua Belas] [B. Kitab Tib (Cetera Luqman Al Hakim)] [22v. 5r]: Ubat Meroyan Tahi Cirit Rengat



*Transliterasi:*

Sebagi lagi ubat meroyan tahi ciri rengat. Maka ambil daun tarum, biji sawi, maka giling lumat tampal pada ari-arinya. Afiat in syaa Allah Taala.


*Ramuan:*

1. Daun tarum
2. Biji Sawi

*Kaedah Penggunaan:*

Ramuan yang sudah lumat ditampalkan ke atas ari-ari

2. MSS 3147 [Kitab Tib. Petua. Azimat] [43r. 1r]: Ubat Orang Gila



*Transliterasi:*

Pertamanya ambil kulit pulai dan hinggu dan bawang merah dan biji tanjung dan jengkur, bonglai, biji sawi dan beras tiga genggam tiga bubuh, maka pipis lumat-lumat, maka berikan pada tubuh orang gila itu. Afiat.


*Ramuan:*

1. Kulit pulai
2. Hinggu
3. Bawang merah
4. Biji Tanjung
5. Jengkur/Cekur
6. Bonglai
7. Biji sawi
8. Beras

*Kaedah Penggunaan:*

Kesemua bahaan ramuan ini dilumatkan sehinggakan halus, kemudian dilumurkan ke atas.

3. MSS 3147 [Kitab Tib. Petua. Azimat] [175v. 9r]: Ubat Cacing



*Transliterasi:*

Ambil sawi, hati ayam, dan hingu dan jadam maka asah bubuk pada ubun-ubun budak itu dan belikatnya dan telinganya dan pahanya kiri kanan dan hulu hatinya dan belakangnya. Afiat.


*Ramuan:*

1. Biji sawi
2. Sirih pinang

*Kaedah Penggunaan:*

Ramuan ini ditaruh di pelbagai bahagian badan budak yang cacangan sepertimana yang disebutkan dalam preskripsi di atas

**4. MSS 2999 [Kitab Tib] [3r. 14r]: Ubat Sakit Perut Kembang Sehari-hari**



*Transliterasi:*

Ambil biji sawi, dan kunyit, dan halia merah atau putih, dan daun sekentut, dan mesoi, dan kedaung, dikupas buang kulitnya, pipis lumat-lumat, makan atau minum dengan air madu tiga pagi. Afiat.

*Ramuan:*


1. Biji Sawi
2. Kunyit
3. Halia merah atau putih
4. Daun sekentut
5. Mesoi
6. kedaung
7. Air madu

*Kaedah Penggunaan:*

Ramuan kesemua herba ini dilumatkan sehinggakan halus. Pengambilan ubat ini boleh dengan cara makan atau dengan meminum air yang terhasil daripada proses memipis kesemua herba di atas.

**5. MSS 3123 C: Petua, Azimat, Kitab Tibb [10v. 3r]  
Ubat Kesihatan Tubuh: Ubat Dimakan Tiada Penyakit Dalam Tubuhnya**





*Transliterasi:*

Lengkuas Cina berat sembilan emas, biji sawi berat lima emas, dan kemucus berat sembilan emas, dan jemuju khurasani berat sembilan emas, dan buah pala berat sembilan emas, cengkih berat sembilan emas, dan kemenyan berat lima emas, dan buah kapulaga berat tiga emas, dan kapur barus berat seemas, maka sekalian itu pipis lumat-lumat serkai dengan kain yang halus, makan dia dijempuit tiga jari, makan dia sekadar khayal.


*Ramuan:*

- |                  |              |             |                     |
|------------------|--------------|-------------|---------------------|
| 1. Lengkuas Cina | 2. Biji Sawi | 3. Kemucus  | 4. Jemuju Khurasani |
| 5. Buah pala     | 6. Cengkih   | 7. Kemenyan | 8. Buah kapulaga    |
| 9. Kapur barus   |              |             |                     |

*Kaedah Penggunaan:*

Kesemua herba di atas dilumatkan kemudian dibungkus dengan kain halus dan diperah supaya ekstrak minyaknya terhasil. Pengambilan ubat ini boleh dengan cara makan atau minum.

**6. Kitab Thabib. Cod. Or. 1715: Ubat Sakit Kepala**



*Transliterasi:*

Maka ambil daun limau purut, dan limau kapas, dan biji sawi, maka pipis keduanya itu lumat-lumat, maka bubuh dengan daun pisang, maka cengkokkan/cekakkan padanya, maka minyak kepala dahulu dengan minyak langah maka tampalkan ubat itu pada dahinya insyallah afiat olehnya.

*Ramuan:*


- |                     |                |              |                |
|---------------------|----------------|--------------|----------------|
| 1. Daun limau purut | 2. Limau kapas | 3. Biji sawi | 4. Daun pisang |
|---------------------|----------------|--------------|----------------|

## 5. Minyak langah

### *Kaedah penggunaan:*

Kesemua herba di atas dilumatkan supaya sebat. Sebelum ramuan ini ditampalkan di dahi orang yang sakit, terlebih dahulu kepalanya diminyaki dengan minyak langah

7.	<b>MSS 2999 [Kitab Tib] [4v. 1r]: Rawatan Sakit Perut, Penyakit Angin Yang Menyucuk dan Menikam pada Rusuk, Belikat dan Ulu Hati, atau Perut, atau Senak, atau Sakit Seluruh Tubuh</b>
----	--



### *Transliterasi:*

Sebahagian daripada rawatan sakit perut, penyakit angin yang menyucuk dan menikam pada rusuk dan belikat dan ulu hati atau perut atau senak atau sakit seluruh tubuh. Ambil buah pala dan bunganya, dan kapulaga, dan cengkih, dan jintan hitam, dan jintan putih, dan lengkuas, dan lada sulah, dan halia merah, dan cabai Jawa, dan kanti, dan biji sawi. Sekalian itu sama banyaknya giling lumat-lumat, sapukan pada tubuh atau minum.

### *Ramuan:*

- |                           |             |               |                 |
|---------------------------|-------------|---------------|-----------------|
| 1. Buah pala dan bunganya | 2. kapulaga | 3. cengkih    | 4. Jintan hitam |
| 5. Jintan putih           | 6. lengkuas | 7. Lada sulah | 8. Halia merah  |
| 9. Cabai jawa             | 10. kanti   | 11. Biji sawi |                 |

### *Kaedah Penggunaan:*

Kesemua herba di atas ditumbuk atau digiling sehinggakan lumat. Ramuanyang sudah lumat disapukan pada tubuh sebagai krim atau boleh juga diminum.

## 6. HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis terhadap materi kajian yang merentasi kamus-kamus bahasa Arab, Al-Quran, hadis dan manuskrip perubatan Melayu didapati bahawa sesawi di dalam bahasa Arab mempunyai pelbagai nama mengikut jenis sesawi. ini bermakna bahawa orang Arab mengenal pasti dengan baik sesawi dan banyak bergantung kepada sesawi dalam meramu ubat yang banyak menggunakan biji sesawi. Ibn Al-Baytar telah menyebutkan senarai khasiat biji sesawi dan kaedah meracit ramuan sesawi. Seterusnya, sawi dalam Al-Quran dan hadis lebih banyak digunakan dalam bentuk analogi untuk menggambarkan ilmu Allah yang mutlak yang mengetahui segala sesuatu. Selain itu, sesawi juga disebutkan dalam kedua-dua sumber itu dalam bentuk analogi untuk menyatakan bahawa Allah tidak berbuat zalim kepada sesiapa pun daripada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, dinyatakan dalam Al-Quran bahawa Allah mengetahui semua perbuatan manusia yang dizahirkan mahupun yang disembunyikan walaupun ia seberat biji sawi yang berada di batu besar, atau di langit, ataupun di bumi. Di dalam hadis pula dinyatakan bahawa tidak akan masuk syurga orang yang di hatinya terdapat sifat sombong walaupun seberat biji sawi. Dalam konteks yang lain dinyatakan juga bahawa tidak akan kekal di neraka sesiapa yang ada di dalam hatinya keimanan walaupun seberat biji sawi.

Adapun manuskrip perubatan Melayu menzahirkan kepelbagaian khasiat sesawi dalam mengubati penyakit masyarakat Melayu.

## 7. PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas difahami bahawa sesawi merupakan herba yang penuh berkat. Ia termasuk herba yang tersenarai dalam Al-Quran dan hadis. Kedua-dua sumber utama ini menyebutkan sesawi dalam bentuk analogi untuk menggambarkan ilmu dan keadilan Allah yang Maha Mutlak kerana sesawi sudah diketahui dengan baik oleh orang Arab secara khusus dan orang awam pada umumnya. Pada masa yang sama, ia juga memberi pesan kepada umat Islam, khususnya pakar sains botani (tumbuhan) untuk menerokai lebih lanjut khasiat sesawi. Oleh itu, pelbagai kajian semasa ditemukan berkaitan sesawi sama ada berkaitan dengan cara penanamannya mahupun berkaitan khasiat medik yang dimilikinya. Adapun manuskrip perubatan Melayu yang banyak menyebutkan khasiat perubatan yang terkandung dalam biji sawi menunjukkan bahawa masyarakat alam Melayu turut mempunyai kearifan lokal (*local wisdom*) dalam meramu ubat yang terdiri daripada biji sawi yang disebatikan dengan herba-herba tempatan. Seterusnya, kajian integrasi ini yang merentasi pelbagai sumber rujukan menjadikan kedudukan sesawi dan khasiatnya dalam masyarakat terserlah sehinggakan mereka melihat sesawi bukan sekadar tumbuhan sahaja, tetapi ia juga menunjukkan ilmu dan kudrat mutlak Allah. Oleh itu, diharapkan kajian integrasi seperti ini semakin digalakkan untuk dapat menghurai semua jenis tumbuhan yang disebutkan dalam Al-Quran dan hadis sehinggakan kedudukan dan khasiat mereka dapat diketahui oleh orang ramai.

## 8. KESIMPULAN

Sesawi adalah herba yang berkat berdasarkan kedudukannya dalam Al-Quran dan Sunnah yang disebutkan dalam bentuk analogi untuk menyatakan ilmu Allah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu dan keadilan mutlak Allah yang berlaku untuk semua hamba-Nya tanpa terkecuali seperti yang digambarkan di atas. Analogi berikutnya dalam hadis yang melibatkan sesawi adalah gambaran sebahagian perkara akhirat iaitu syurga, neraka dan orang beriman. Terdapat beberapa hadis yang menyatakan bahawa tidak ada daripada orang beriman yang kekal di neraka selagimana di dalam hatinya terdapat keimanan walaupun seberat biji sawi dan seseorang tidak akan masuk dalam syurga selagimana di dalam hatinya terdapat kesombongan walaupun seberat biji sawi. Al-Quran dan hadis membuat analogi yang sedemikian kerana orang Arab pada khususnya telah mengetahui dengan baik sesawi dan banyak bergantung kepada sesawi dalam pemakanan dan perubatan mereka. Ini selari dengan pelbagai nama dalam bahasa Arab yang merujuk kepada sesawi mengikut kepada jenis masing-masing. Kemudian, kitab Ayurveda turut menyebutkan khasiat medik sesawi yang dapat digunakan sebagai ubat dalaman dan luaran untuk menyembuhkan pelbagai penyakit. Seterusnya, masyarakat Melayu juga telah lama mengamalkan perubatan yang terdiri daripada ramuan biji sawi dan herba-herba tempatan dalam perubatan. Terdapat banyak preskripsi ubat yang mengandungi biji sawi sebagai materia medika utama untuk mengubati pelbagai penyakit dalam manuskrip Perubatan Melayu. Ini menunjukkan kearifan lokal (*local wisdom*) orang Melayu adalah selari dengan kearifan Islam yang terzahir melalui teks-teks suci Al-Quran dan hadis.

## 9. PENGHARGAAN

Terima kasih setinggi-tingginya kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang meluluskan *Niche Research Grant Scheme* (NRGS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan nombor rujukan USIM/NRGS\_PROGRAM/8400/521 bertarikh 12 Oktober 2015. Tajuk Program adalah *Fundamental Approaches Towards Usage and Mechanism of Prophetic Food in Preserving Health*. Artikel ini adalah hasil penyelidikan daripada kumpulan 2 dengan tajuk projek: *A Study of Preservation of Health According to Malay Manuscript*.

## RUJUKAN

Al-Quran

Abu Al-Muzaffar Al-Sam'ani, Manzur bin Muhammad bin Abd Al-Jabbar. (1997). *Tafsir Al-Quran*. Tahkik Yasir bin Ibrahim dan Ghanim bin Abbas bin Ghanim. Cet. 1. Riyadh: Dar Al-Watan.

Abu Islam, Ahmad bin Ali. (t.th.). *Al-Nabātāt Fi Al-Quran*.

Al-Baydawi, Abdullah bin Umar. (1418 H). *Anwar Al-Tanzil Wa Asrar Al-Ta'wil*. Tahkik Muhammad Abd Al-Rahman Al-Marashili. Cet. 1. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-Arabi.

Al-Farahidi, Al-Khalil bin Ahmad. (t.th.). *Kitab Al-'Ayn*. Tahkik Dr Mahdi Al-Makhzumi & Ibrahim Al-Samurai. Dar Wa Maktabat Al-Hilal.

Al-Harbi, Ibrahim bin Ishaq. (1405 H). *Gharib Al-Hadith*. Tahkik Dr. Sulayman Ibrahim Al-Ayid, cet. 1. Mekah: Jamiah Ummi Al-Qura.

Cahyono, Bambang. (2003). *Teknik dan Strategi Budidaya Sawi Hijau (Pai-Tsai)*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nusatama).

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. 4th edition. Kuala Lumpur, Malaysia.

Hussain, Abdul Ghani. (2015). *MSS 2999 Kitab Tib (Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia berhad.

Ibn Al-Baytar, 'Abdullah bin Ahmad. (1992). *Al-Jāmi' li Mufradat Al-Adawiyah wa Al-Aghdhiyah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Ibn Rajab, Abd Al-Rahman bin Ahmad. (1996). *Fath Al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*. Tahkik kumpulan ulama, cet. 1. Kaherah: Maktabah Tahkik Dar Al-Haramayn.

Ibn Raslan, Ahmad bin Husayn. (2016). *Sharh Sunan Abi Dawud*. Tahkik kumpulan ulama, cet. 1. Mesir: Dar Al-Falah.

Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abd Al-Halim bin Abd Al-Salam. (1991). *Dar'u Taarud al-Aql wa al-Naql*. Studied by Muhammad Rasyad Salim. Saudi Arabia: Jamiah al-Imam Muhammad bin Saud.

Majma' Al-Lughah Al-Arabiyah. (t.th.). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Dar al-Dakwah.

- Muhammad Anwar Syah bin Muadzdzam Syah el-Hindi. (2004). *Ikfar el-Mulhidin Fi Daruriyat el-Din*. 3rd edition. Pakistan: el-Majlis el-Ilmi.
- Ram Manohar P., Reshmi Pushpan., Rohini S. (2009). *Mustard and its uses in Ayurveda*. Indian Journal of Traditional Knowledge. Vol. 8(3), July, pp. 401.
- Reinhart Pieter Anne Dozy. (2000). *Takmilah al-Ma'ajim al-'Arabiyah*. Cet. 1. Iraq: Wizarah al-Thaqafah wa al-Islam.
- Sangaji, (2017). Kajian Sistem Budidaya Tanaman Sawi (*Brassica Juncea L*) Di Petani Kelurahan Malawele Distrik Aimas Kabupaten Sorong. *Journal Median*, vol. IX, Februari, pp.17.
- t.p. (2003). الخرشاء [https://alsirhan.com/plants/Brassica\\_tournefortii.shtml](https://alsirhan.com/plants/Brassica_tournefortii.shtml). Dilayari pada tarikh 31 Ogos 2019.
- t.p. (t.th). *Kitab Thabib*. Cod. Or. 1715. Belanda: Leiden University.
- t.p. (t.th). MSS 2802 [A. *Bintang Dua Belas*] [B. *Kitab Tib (Cetera Luqman Al Hakim)*]. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- t.p. (t.th). MSS 2999 [*Kitab Tib*]. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- t.p. (t.th). MSS 3123 C: *Petua, Azimat, Kitab Tibb*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- t.p. (t.th). MSS 3147 [*Kitab Tib. Petua. Azimat*]. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Universiti Malaya. (t.th.). My MyManuskrip. <http://spcats.umlib.um.edu.my/mymanuskrip/about.asp>, 24/02/2018.
- Yudharta. (2009). *Tanaman Sawi*. <https://ajichrw.wordpress.com/2009/07/15/tanaman-sawi/>. Dilayari pada tarikh 10/09/2019.